

Newspaper	Berita Harian
Date	21 March 2016

Surat terbuka bekas PM umpama tindakan sabotaj

BH - 21/3/2016

Kuala Lumpur: Surat terbuka bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang meminta ahli UMNO membantunya menyelamatkan parti dan negara dengan mengemukakan usul undi tidak percaya kepada kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak adalah satu tindakan mengelirukan.

Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai, Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata tindakan Dr Mahathir itu umpama mensabotaj parti yang pernah dinaungi beliau.

Bagaimanapun, katanya, tindakan itu tidak akan mempengaruhi ahli UMNO di semua bahagian, termasuk 13,000 ahli UMNO di Lembah Pantai.

Surat terbuka boleh mengelirukan

"Pada saya, Mahathir tidak patut mengeluarkan surat terbuka itu kerana boleh mengelirukan keluarga besar UMNO namun saya yakin anggota UMNO Lembah Pantai tidak akan mengambil peduli, malah tidak akan terkesan dengan surat terbuka itu," katanya.



"Tindakan itu tidak akan mempengaruhi ahli UMNO di semua bahagian, termasuk 13,000 ahli UMNO di Lembah Pantai"

Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin,
Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai

Beliau berkata kepada pemberita ketika menghadiri persidangan UMNO Cawangan-Cawangan Dalam Bahagian Lembah Pantai di sini, semalam.

Persidangan itu dirasmikan Bendahari UMNO, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah yang juga Menteri Kewangan Kedua.

Menerusi entri blog bertajuk 'Surat Kepada Ahli-Ahli Cawangan UMNO' yang dimuatnaik kelmarin, Dr Mahathir antara lain meminta ahli parti yang sayangkan perjuangan asal UMNO membantunya menyelamatkan parti dan negara.

Dr Mahathir juga meminta usul undi tidak percaya terhadap Najib sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri dibuat pada mesyuarat UMNO cawangan selain usul supaya pemilihan parti tidak ditangguhkan.

Raja Nong Chik juga menyifatkan tindakan Dr Mahathir umpama meludah ke langit kerana beliau sudah pun bercerai dari UMNO pada 22 Februari lalu.

"Beliau sudah kata tak mahu bersama UMNO tetapi pada sama dia nak pengaruhi kepemimpinan cawangan untuk membuat usul menolak Najib. Apa hak dia nak campuri urusan keluarga parti?" katanya.